

**Pakatan tak mungkin memerintah selamanya tanpa sokongan pengundi**  
**Malaysian Insider**  
**7 September, 2012**  
**Oleh Roznah AJ dan Leanza Chia**

KUALA LUMPUR, 7 Sept — Pemimpin pembangkang hari ini mengkritik Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini berikutan kenyataannya mengatakan Pakatan Rakyat (PR) akan memerintah selamanya jika memenangi pilihan raya.

Dr Mahathir memberi amaran bahawa negara ini tidak mungkin dapat melihat Barisan Nasional (BN) lagi jika PR menang, dan berkata pembangkang akan lakukan apa saja untuk kekal berkuasa.

Timbalan presiden PAS, Mohamad Sabu berkata selagi demokrasi diterima di negara ini, rakyat mempunyai kuasa untuk menentukan kerajaan yang memerintah.

"Memilih siapa yang sepatutnya berkuasa adalah kuasa rakyat dan bukannya oleh parti politik.

"Dia (Tun M) berkata demikian dengan berniat untuk menakut-nakutkan orang ramai kerana sudah menyedari kesilapan yang dilakukan oleh BN," katanya ketika dihubungi oleh The Malaysian Insider.

Setiausaha agung PAS, Datuk Mustafa Ali berkata, tidak kira bagaimana lemah sekalipun demokrasi, terdapat ruang dalam perlembagaan untuk mengubah kerajaan.

Kata beliau, adalah menjadi hak kepada rakyat untuk mengundi parti lain jika mereka tidak gembira dengan pentadbiran sesuatu kerajaan.

"Lagipun, BN di tampuk kuasa kerana rakyat," katanya lagi.

Ahli parlimen Kuala Selangor Dr Dzulkefly Ahmad berkata, demokrasi akan menentukan siapa yang akan memerintah.

"Jika PR menjadi korup, mereka tidak akan bertahan dan akan ditumbangkan oleh rakyat," katanya lagi.

Dia juga menambah bahawa BN yang mahu memerintah selamanya.

Ketua pemuda DAP Sosialis Anthony Loke berkata, kenyataan Dr Mahathir hanyalah satu cara untuk menakutkan orang ramai kerana momentum perubahan semakin kuat.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-tak-mungkin-memerintah-selamanya-tanpa-sokongan-pengundi/>